

**PERANAN SEORANG PENGARAH UNTUK MEMBIMBING PELAKON
DALAM PERSEMBAHAN MONOLOG:
KAJIAN KES “*BUKAN BUNUH DIRI*” KARYA DINSMAN**

MAZUIN BINTI HAMZAH

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Keahlian
(Drama dan Teater)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

**JUDUL: PERANAN SEORANG PENGARAH UNTUK MEMBIMBING PELAKON
DALAM PERSEMBAHAN MONOLOG:
KAJIAN KES "BUKAN BUNUH DIRI" KARYA DINSMAN**

SESI PENGAJIAN: 2006/2007

Saya MAZUIN BINTI HAMZAH

mengaku membenarkan tesis/Laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. *sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

Tandatangan Penulis
Tarikh:

Tandatangan Penyelia
Tarikh:

Alamat Tetap:
No, 11 Kampung Pinang,
94300 Kota Samarahan,
Kuching, Sarawak.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa

Organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan

Sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Peranan seorang pengarah untuk membimbing pelakon dalam persembahan monolog kajian kes *Bukan Bunuh Diri* karya Dinsman**' yang telah disediakan oleh **Mazuin Binti Hamzah** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Drama dan Teater**.

Diterima untuk diperiksa oleh :

(Encik Abdul Riezal Dim)

Tarikh :

PENGAKUAN

Saya mengakui tiada bahagian daripada penyelidikan yang dilaporkan dalam penulisan ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau keluaran sama ada kepada universiti pengajian yang lain.

Mazuin Binti Hamzah

No. Matrik : 13502

Abstrak

Setiap pengarah mempunyai cara tersendiri untuk mengarah pelakon bagi melaksanakan sebuah pementasan. Kajian ini juga adalah untuk menganalisa peranan pengarah untuk mengarah pelakon, krew dan pementasan. 'Bukan Bunuh Diri' merupakan skrip monolog dan berkonsepkan simbolisme yang beraliran *absurd* dan merupakan satu cabaran bagi pengarah untuk mengarah pelakon melalui keseluruhan cerita. Pendekatan Stanilavski digunakan untuk membimbing pelakon.

Abstract

Each director's have their own unique styles in directing actress to succeed in every performance. This research will analyze the director's responsibilities on directing the actress, crews and performance. 'Bukan Bunuh Diri' monologue scrip and symbolism concept and this has been a challenge for director to direct the actress's roles throughout the whole story. Stanilavski's approach will be applied to coordinate the actress.

PENGHARGAAN

Sesi pengajian 2006/2007 menyaksikan segala kepayahan, kepenatan dan kesabaran saya untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini. Alhamdulillah, akhirnya Projek Tahun Akhir 'Bukan Bunuh Diri' telah berada dipenghujung kajian dan memori proses produksi akan sentiasa tersemat di dalam jiwa.

Jutaan terima kasih kepada Encik Abd Riezal Dim selaku penyelia saya dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Bimbingan dan nasihat beliau, telah banyak membantu saya untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir ini dengan baik dan sempurna. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah lain yang tidak pernah jemu memberikan teguran, kritikan, sokongan dan bimbingan kepada saya untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Sekalung penghargaan buat kedua ibubapa yang telah banyak membantu dan memberi dorongan kepada saya sepanjang pengajian saya di Unimas. Kata-kata semangat dan doa tidak pernah putus bagi memanjat doa dari Ilahi supaya anaknya ini sentiasa dilindungi dan beroleh kejayaan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Kepada Encik Zacharia Abdul Manan, terima kasih saya ucapkan kerana sentiasa memberi pendapat dan cadangan kepada saya untuk menghasilkan pementasan yang berkualiti. Kritikan dari beliau saya jadikan sandaran dan panduan untuk menyiapkan penulisan ilmiah saya ini dan tidak lupa juga buat Encik Abdul Rahman Yan (penggiat teater) dan Encik Mohammad Hasan dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Sarawak diatas kerjasama yang diberikan kepada saya untuk mendapatkan maklumat untuk penyelidikan Projek Tahun Akhir.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terkira kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam memberi dorongan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Projek Tahun Akhir ini sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Jasa kalian tidak akan saya lupakan dan akan sentiasa tersemat di minda dan tercoret di dalam tesis ini. Semoga dengan terhasilnya tesis ini akan memberi manfaat dan kepuasan kepada semua pihak.

KANDUNGAN

PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Kajian Lepas	1
1.2 Objektif	4
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Metodologi Penyelidikan	5
1.5 Rumusan	6
BAB 2 PENGARAHAN	
2.0 Pengenalan	7
2.1 Peranan Pengarah	7
2.2 Peranan Pelakon	9
2.3 <i>Mise-en-scene</i>	10
2.3.1 Pengenalan	10
2.3.2 Sinopsis	11

2.3.3	Analisa Skrip	12
2.3.4	Analisa watak dan perwatakan	19
2.3.5	Analisa perwatakan tambahan	21
2.4	Rumusan	22

BAB 3 LATIHAN PELAKON

3.0	Pengenalan	23
3.1	Teknik Stanislavski's	24
3.1.1	Pengenalan	24
3.1.2	Teknik Stanislavski's	25
3.2	<i>Warm up</i>	26
3.3	Improvisasi	32
3.4	Perbincangan dengan pelakon	33
3.5	Rumusan	33

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	34
4.1	Dapatan Kajian	35
4.1.1	Kesan Kumulatif	36
4.1.2	Dilema watak Hawa	37
4.1.3	Data keseluruhan Dilema watak Hawa	38
4.1.4	Aspek Pengarahan	39
4.1.5	Data keseluruhan Aspek Pengarahan	40
4.2	Keputusan	41

4.3	Rumusan	41
-----	---------	----

BAB 5 PENUTUP

5.0	Pengenalan	42
5.1	Pengaplikasian <i>mise-en-scene</i>	44
5.2	Pengaplikasian Teknik Stanislavski's	45
5.3	Masalah dihadapi	52
5.4	Cadangan	54
5.5	Rumusan	55

RUJUKAN	56
----------------	----

LAMPIRAN	58
-----------------	----

Lampiran 1	59
------------	----

Lampiran 2	82
------------	----

Lampiran 3	83
------------	----

Lampiran 4	87
------------	----

Lampiran 5	89
------------	----

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini adalah mengenai peranan pengarah untuk membimbing pelakon dalam pementasan monolog menerusi skrip “Bukan Bunuh Diri” karya Dinsman. Pengarah juga berperanan dan bertanggungjawab untuk mengetahui aspek artistik iaitu dari segi tatacahaya, tatabunyi, kostum, tatarias dan set untuk membantu membimbing pelakon dan membantu pelakon menjiwai watak. Penyelidik menyedari bahawa tugas seorang pengarah amat berat. Pengalaman yang ada semasa mengikuti kursus asas pengarahan memberi satu inspirasi kepada penyelidik untuk mencari pengalaman menjadi pengarah.

1.1 Kajian Lepas

“Perkataan lain bagi pengarah ialah sutradara atau teraju dan perkataan pengarah lebih kerap digunakan dibandingkan dengan yang dua lagi itu. Pengarah dalam drama ialah pemimpin yang memimpin para pelakon. Kalam Hamidi juga menyatakan sebagai pemimpin atau guru adalah menjadi syarat bagi seseorang pengarah itu mempunyai bakat memimpin dan mengajar. Seorang pengarah mestilah berpengalaman, berbakat memimpin atau guru, kebolehan menyakinkan pelakon, dan berpengetahuan psikologi” (Kalam Hamidi 2003:40).

Menurut Saparman Bakri (1982), tenaga-tenaga keseluruhan persembahan adalah bergantung rapat dengan kemampuan pengarahnya. Pengarah yang akan berkerja

bertungkus-lumus dan mengawasi segala persiapan yang dilakukan oleh tenaga-tenaga lainnya. Tanpa pengarah kejayaan maksimum tidak akan tercapai.

Green (1981) pula, tugas asas seorang pengarah adalah sangat khusus untuk mengarah pelakon dalam jangka masa yang khusus. Sebagai seorang pengarah harus membenarkan dirinya bergerak melalui perkara yang dilihat dan didengar.

Menurut Alterman (1999), persembahan monolog merupakan satu cabaran yang besar kepada pelakon kerana hanya berlakon sendirian di atas pentas tanpa dibantu oleh pelakon yang lain. Pelakon harus bijak mengolah watak supaya penonton tidak rasa bosan melihat aksi pelakon di atas pentas. Daya imaginasi seorang pelakon harus ada kerana apabila pelakon berada dalam watak dia akan berbicara seorang diri dan membayangi ada watak lain bersama berlakon dengannya. Pelakon monolog harus mempercayai imaginasi dan menganggap watak lain wujud dalam imaginasi biarpun hakikatnya watak tersebut tidak wujud di atas pentas.

Menurut Ahmad Mohamad Nazri (2000), “Bukan Bunuh Diri” merupakan karya Dinsman dalam lakonan monolog. Watak protagonis dalam drama ini ialah Adam. Adam berusaha untuk membunuh diri kerana ingin berjumpa dengan Tuhan. Dalam percubaan pertama, usaha Adam digagalkan oleh kemunculan Dewi menyebabkan bayangan tali gantung yang dipasang sebagai latar dihilangkan. Tidak lama kemudian tali gantung muncul dan mengganggu fikiran Adam. Dialog yang dipaparkan antara Adam dan ayahnya dikeluarkan secara hambar dan berulang-ulang. Penjelmaan Dewi bagi kali kedua telah memperhebatkan lagi kegelisahan dalam diri Adam. Apabila Adam menyedari bahawa makhluk-makhluk (watak-watak lain dalam drama tersebut) adalah dirinya sendiri, beliau tidak meneruskan niat untuk membunuh diri. Lampu pentas dipadamkan dan Adam kembali duduk di atas timbunan buku.

Bujang Rahmah (1982), menyatakan dalam “Bukan Bunuh Diri” kita bertemu dengan seorang anak muda iaitu Adam, yang sedang mencari erti kewujudan dirinya sendiri. Timbunan buku-buku tidak dapat memberi jawapan pada soalan-soalan penghidupan yang ingin diselami Adam. Adam merupakan seorang manusia yang tidak tahu apa-apa. Seperti katanya :

Aku tidak tahu. Aku tidak tahu gembira dan aku tidak tahu duka. Aku tidak tahu apa-apa. Apa yang aku tahu pun dah jadi tak tahu. Dunia dah jadi absurd. Atau sememangnya absurd sejak dulu. Hingga tahu dan tidak tahu tidak dapat dibezakan lagi...

(di petik dari skrip “Bukan Bunuh Diri” karya Dinsman: hal 80).

Sporre Dennis (1993), menyatakan konsep pengarah adalah fokus utama dalam pementasan. Dalam produksi juga mempunyai matlamat yang hendak dicapai bagi menjayakan pementasan dan mengharapkan pementasan berjalan dengan lancar dan sempurna. Konsep pengarah menentukan keseluruhan pemilihan gaya artistik seperti kostum, pencahayaan, set, pelakon dan adegan.

1.2 Objektif

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat peranan seorang pengarah untuk membimbing pelakon dalam persiapan untuk pementasan. Dengan latihan dan pendekatan yang digunakan, pengarah dapat membantu pelakon untuk menjiwai watak dan melaksanakan method lakonan.

Menurut Hamidi Kalam (2003), seorang pengarah mestilah mempunyai bakat memimpin atau guru. Tanpa bakat ini calon pengarah akan kecewa melayakkan diri sebagai pengarah. Dia mesti ada kebolehan memimpin dan mengajar pelakon-pelakon. Ini dengan sendirinya meletakkan diri beliau satu tingkat lebih tinggi daripada pelakon-pelakannya.

Hodge (2000) menyatakan, sebelum membimbing pelakon pengarah harus membimbing dirinya terlebih dahulu dengan menganalisa skrip (*mise-en-scene*) sebelum dibentangkan kepada pelakon dan juga pereka. Kajian skrip ini penting supaya proses latihan dengan pelakon akan berjalan dengan lancar.

Penyelidik telah mengadaptasi skrip “Bukan Bunuh Diri” dimana penyelidik mengubah watak utama iaitu Adam kepada watak Hawa. Kajian terhadap skrip merupakan perkara penting untuk penyelidik kerana perubahan dan pengadaptasian yang dibuat terhadap skrip tersebut harus bersesuaian dengan watak Hawa.

1.3 Penyataan Masalah

Setiap pengarah mempunyai cara tersendiri untuk membimbing atau melatih pelakon untuk menjiwai watak dengan berkesan. Selain itu, pengarah harus memahami dan menganalisa skrip terlebih dahulu sebelum mengarah pelakon.

Menurut Green (1981), seorang pengarah harus biasa dengan skrip yang hendak diarahkan termasuk segala aspek yang terkandung dalam skrip tersebut. Dia juga harus jujur dengan dirinya sendiri, harus menetapkan sesuatu had dengan berakal. Seseorang pengarah juga harus membuat perbincangan jika perlu. Selain itu, pengarah juga harus menghormati orang lain terutamanya ahli produksi.

1.4 Metodologi Penyelidikan

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu sumber primer (utama) dan sumber sekunder (kedua). Dalam sumber primer, penyelidik menggunakan kaedah *Participant Observation*, penyelidik terlibat dengan pementasan sebagai pemerhati dan sebelum pementasan penyelidik bertindak sebagai pengarah untuk membimbing pelakon sebelum pementasan.

Penyelidik turut menggunakan kaedah soal selidik, di mana penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada penonton yang datang semasa menonton pementasan “Bukan Bunuh Diri”.

Dalam sumber sekunder, penyelidik menggunakan bahan rujukan untuk membantu dalam membuat kajian. Bahan rujukan ini termasuklah buku yang ditulis oleh penulis tempatan dan juga penulis barat seperti Green (1981). *The Small Theatre Handbook*, Mccafferey (1988) *A Phaidon Theatre Manual Directing a Play*, Suparman Bakri (1981) *Alam Teater*, Kalam Hamidi (2003) *Pegangan Pementasan Drama* dan lain-lain lagi.

1.5 Rumusan

Dengan ini, peranan pengarah amat penting untuk membimbing pelakon supaya menghayati watak, lebih-lebih lagi drama yang berbentuk monolog seperti “Bukan Bunuh Diri”. Cabaran seorang pelakon juga amat tinggi untuk berlakon di atas pentas seorang diri. Pengarah harus bijak melatih pelakon dan pada ketika ini keupayaan seorang pengarah teruji untuk mementaskan satu persembahan yang berkualiti.

BAB 2

PENGARAHAN

2.0 Pendahuluan

Kajian bab ini lebih menumpukan kepada pemahaman pendapat penyelidik mengenai pengarah, pelakon dan analisa terhadap skrip yang akan diarah oleh penyelidik. Di dalam bab ini, menerangkan dengan terperinci mengenai peranan pengarah yang lebih kearah membimbing pelakon. Selain itu, penyelidik juga harus tahu peranan pelakon untuk membantu dari segi pengarah. Penyelidik harus tahu kelebihan dan kekurangan yang ada pada pelakon. Penyelidik juga turut menganalisa keseluruhan skrip dan mendapat pemahaman daripada skrip sebelum mengarah.

2.1 Peranan Pengarah

Menurut Hodge (2000), dalam mempelajari mengenai pengarah, kita harus memahami empat proses pengarah untuk membimbing dalam tiap-tiap pementasan. Hodge menyatakan bahawa empat proses pengarah tersebut mempunyai kuasa yang besar dalam teater dan juga kepada pengarah.

Empat proses yang dinyatakan oleh Hodge ialah :

1. *A version* (pandangan)

- Pementasan boleh menguasai keseluruhan aspek produksi daripada lakonan ke pentas.

2. *A comprehensive knowledge* (pengetahuan menyeluruh)

- Pengetahuan terhadap dinamik pementasan dari segi keupayaan meninggi dan menurun, keupayaan lantang dan perlahan/lembut, keupayaan rentak perlahan dan keupayaan rentak yang cepat.

3. *Skills in communication* (kemahiran dalam komunikasi)

- Pengarah harus mempunyai kemahiran komunikasi. Ini kerana, pengarah akan berhubung dan sentiasa bekerjasama dengan semua tenaga produksi. Dengan kemahiran yang sedia ada pengarah boleh membantu pelakon dan pereka memberi perhatian yang kreatif kepada pementasan.

4. *A very strong* (amat kuat)

- Keinginan untuk menghiburkan hati, semangat dan jiwa penonton. Pengarah juga harus memikirkan penonton. Sebelum mengarah, pengarah tidak boleh melupakan penonton.

Patterson (2004), pula menyatakan tanggungjawab seorang pengarah ialah mengatur dan menyatukan segala-galanya sebelum dipentaskan kepada penonton. Di sini bermaksud seorang pengarah mempunyai tanggungjawab untuk menentukan konsep cerita yang terdapat dalam skrip dan dibentangkan kepada pelakon dan para pereka supaya mereka faham kehendak pengarah sebelum proses artistik berlaku.

Menurut Mcaffery (1988), pada keseluruhan produksi pengarah memainkan peranan penting. Pengarah harus yakin pada diri sendiri untuk mengendalikan produksi dan mempunyai penuh tanggungjawab dalam membuat sebarang keputusan.

Semua keputusan dari segi artistik bergantung kepada pengarah dan pengarah juga yang akan menentukan konsep. Pengarah juga lebih dikenali sebagai pemimpin

atau guru. Syarat utama bagi seorang pengarah ialah mempunyai bakat dalam kepimpinan (Hamidi Kalam, 2003).

Penyelidik setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Patterson, pengarah harus menentukan konsep pementasan supaya semua bahagian memahami kehendak pengarah. Pengarah harus menentukan konsep pementasan setelah skrip dipilih. Konsep merupakan tunjang kepada semua ahli produksi terutamanya kepada pereka-pereka iaitu bahagian artistik. Penyelidik menekankan konsep simbolisme dalam pementasan “Bukan Bunuh Diri” dan semua bahagian dalam produksi harus berlandaskan konsep yang telah ditetapkan.

2.2 Peranan Pelakon

Sebagai seorang pelakon juga mempunyai peranan tersendiri sepertimana pengarah. Selepas menerima tawaran berlakon dan mendapat skrip, tugas pertama ialah membaca skrip tersebut dan juga menganalisa watak dan perwatakan yang terdapat pada skrip (Manderino, 1985).

Selain itu juga, pelakon harus bekerja dengan pengarah. Maksudnya, pelakon harus mematuhi peraturan latihan yang dibuat oleh pengarah dengan mendisiplinkan diri untuk menghadirkan diri semasa latihan. Pelakon terlebih dahulu berbincang mengenai masa yang sesuai supaya tidak bercanggah dengan aktiviti harian yang penting (Hauser et al, 2003).

2.3 *Mise-en-scene*

2.3.1 Pengenalan

“In theater, mise-en-scene plays a very big role and is done in a very detailed manner. A director’s first step in staging a play is doing an analysis on the chosen play. This analysis on a play can also be referred to mise-en-scene and it is the process of putting an act on stage through a detailed script analysis. Mise-en-scene plays a very important role before enabling the director to stage the chosen play” (Balasundram Jeeta Sitarah 2004: 26).

Penyelidik adalah sebagai pengarah dan telah mengadaptasi skrip “Bukan Bunuh Diri” dari segi pelakon iaitu pada skrip asal pelakon utama ialah lelaki iaitu watak Adam. Penyelidik mengubah dan mengadaptasi watak tersebut kepada perempuan iaitu watak Hawa.

Sebagai seorang pengarah, pemahaman terhadap skrip amat penting. Menurut Hodge (2000), adakah pengarah tahu bagaimana untuk membaca skrip sebelum dipentaskan, beliau menyatakan kebanyakan pengarah tidak tahu. Sebagai pengarah, dalam pemahaman skrip harus ada penumpuan sepenuhnya terhadap naskah yang dibaca dan mengetahui bermula dan berakhirnya penceritaan, *the gap*, masa untuk senyap, sepanjang pembacaan. Dalam masa yang sama, pengarah akan membayangkan aksi dramatik oleh pelakon. Sekiranya pengarah gagal memahami skrip iaitu dialog yang disampaikan dan bagaimana untuk bekerja, hilang tumpuan atau keliru dengan skrip maka gagal sebuah pementasan tersebut.

Menurut Hauser dan Reich (2003), untuk memahami skrip pengarah perlu membaca skrip tersebut dengan sebaik mungkin dan dalam masa yang sama telefon

harus dimatikan, jangan pedulikan sesiapa yang mengetuk pintu. Pengarah hanya duduk dan membaca skrip, kemudian ambil nota atau komen terhadap skrip yang dibaca. Selepas itu, berehat sebentar dan kemudian sambung baca skrip tersebut. Dalam masa berehat, pengarah harus fikir gambaran pelakon yang diperlukan, samada masalah yang dilihat pertama kali dapat diatasi dengan seorang diri.

Di samping itu, menurut Hauser dan Reich lagi, pengarah boleh mengabaikan adegan yang tidak diperlukan dan menumpukan kepada adegan yang penting sahaja. Dengan cara ini akan memberi lebih banyak idea untuk memilih watak yang dikehendaki. Pengarah juga boleh menimbulkan persoalan-persoalan pada dirinya sendiri untuk lebih memahami watak dalam skrip.

2.3.2 Sinopsis

Penyelidik mentafsir skrip dan pemahaman penyelidik terhadap skrip “Bukan Bunuh Diri” yang telah diadaptasi ialah kesengsaraan seorang wanita dalam menjalani kehidupan sebagai seorang manusia. Ketentuan takdir disalah ertikan kerana Hawa sudah kehilangan arah tujuan hidup. Penderitaan yang dialami oleh Hawa yang mengalami kecacatan pada wajahnya mengakibatkan Hawa hilang arah dan hilang pertimbangan. Keyakinan diri yang ada pada Hawa sudah musnah dan lantaran itu Hawa menyimpan benci kesumat dalam dirinya kepada kaum Adam dan cuba untuk membunuh diri.

Hakikatnya, sulit lahir sebagai perempuan. Tersepit di antara Tuhan dan lelaki. Perempuan (Hawa) mencari erti kewujudan diri. Adakah sekadar rusuk kiri ataupun lebih dari itu? “adakah kerana Hawa maka beban *khilah silam*” masih berterusan hingga zaman era ini? Tidak cukup keindahan paras rupa, tidak cukup kecantikan budi bahasa

yang di sangkakan harta spiritual perempuan, namun pada akhirnya inilah perangkap yang memamah kecekalan, ketabahan, kewajaran, kewarasan sang perempuan. Saban waktu menjadikan detik yang beredar seperti satu kesunyian yang menyiksa di dalam keramaian terasa kesunyian mencengkam. Memang bukan bunuh diri yang dicari tetapi satu penyedaran atau *enlightenment* itulah harapan Hawa.

2.3.3 Analisa skrip

1. Tajuk

Bukan Bunuh Diri

2. Penulis

Dinsman @ Che Shamsudin Othman

3. Genre

Tragedi

4. Tema dan persoalan

Kebenaran

5. Tahun skrip dihasilkan

1975

6. Tempat skrip dihasilkan

Kuala Lumpur

7. Latar masa dalam skrip

Latar masa di dalam skrip juga tidak dinyatakan dan kejadian boleh berlaku bila-bila masa sahaja.

8. Latar tempat dalam skrip

Tidak dinyatakan tempat kejadian dan di mana kejadian berlaku di dalam skrip. Seperti latar masa, latar tempat juga boleh berlaku di mana-mana.

9. Latar masa yang hendak dipentaskan

Latar masa untuk dipentaskan dan kehendak penyelidik ialah pementasan berlaku dalam tahun 2006.

10. Latar tempat yang hendak dipentaskan

Latar tempat yang digunakan untuk pementasan ialah tidak mengkhusus kepada mana-mana tempat dan penyelidik ingin membawa penonton untuk menjawab persoalan dan mencari jawapan setiap apa yang berlaku sepanjang pementasan. Penonton sendiri akan mentafsir di mana kejadian dan bila kejadian pementasan berlaku. Namun demikian, tempat yang dikhususkan oleh penyelidik ialah di ruang bilik tidur.

11. Apakah perlambangan yang dikehendaki dalam skrip sebagai analisa?

Perlambangan yang digunakan dalam skrip ialah tali gantung. Merujuk kepada watak utama iaitu Hawa yang hendak membunuh diri dengan cara menggantung diri dengan tali gantung. Tali gantung merupakan objek utama yang ditonjolkan di dalam skrip dan semasa pementasan.

12. Apakah keadaan fizikal atau suasana yang dikehendaki oleh pengarah?

Ruang lakon bagi pementasan 30 dan 31 Januari 2007 ialah dibahagikan kepada lima ruang. Setiap ruang akan mewakili pelbagai watak dan perubahan dalam diri pelakon.

Suasana ruang lakon akan berkeadaan suram dan tegang. Pelakon akan membawa penonton untuk turut merasai tekanan yang beliau alami. Antara lima ruang tersebut ialah seperti ditunjukkan dalam lampiran 1. Pada pementasan kedua iaitu 13 dan 14 April 2007, kedudukan dan ruang set di atas pentas telah berubah. Kedudukan set di atas pada pementasan kedua adalah seperti ditunjukkan pada lampiran 2.